

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	Permohonan Peruntukan Untuk Perkhidmatan Penyelenggaraan 2 Unit Mesin Penapis Air Coway di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan Bagi Tempoh 24 Bulan
TARIKH PELAKSANAAN	:	2 Mei 2022 – 30 April 2023 (12 bulan) 2 Mei 2023 – 30 April 2024 (12 bulan) (6 kali perkhidmatan penyelenggaraan = 1 kali untuk setiap 2 bulan)
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN	:	RM2,682.00 (24 bulan)/Operasi (Diskaun 10% untuk 2 tahun perkhidmatan penyelenggaraan)
BAHAGIAN/UNIT/WILAYAH	:	MPC Wilayah Selatan
IMPAK	:	Memastikan perkhidmatan kualiti air minuman yang terbaik dan tahap kesihatan yang terjaga buat warga dan pelanggan MPC Wilayah Selatan.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC

PERMOHONAN PERUNTUKAN UNTUK PERKHIDMATAN
PENYELENGGARAAN 2 UNIT MESIN PENAPIS AIR COWAY DI KOMPLEKS
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN
BAGI TEMPOH 24 BULAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi permohonan peruntukan untuk perkhidmatan penyelenggaraan 2 unit penapis air Coway di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan bagi tempoh 24 bulan bermula dari 2 Mei 2022 – 30 April 2024.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 MPC Wilayah Selatan telah menggunakan 2 unit mesin penapis air jenama Coway yang ditempatkan di lobi aras bawah Blok Pentadbiran dan di aras 1 Pejabat Pentadbiran sejak Januari 2016 di mana perkhidmatan penyelenggaraan mesin ini telah tamat pada 31 Disember 2020 (5 tahun secara sewa-beli).
- 2.2 Penggunaan mesin air jenama Coway ini adalah sebagai kemudahan untuk mendapatkan air yang bersih untuk disalurkan terus kepada warga MPC Wilayah Selatan dan juga pelanggan-pelanggan yang menggunakan perkhidmatan MPC Wilayah Selatan.
- 2.3 Justeru itu, bagi memastikan mesin tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan, pihak MPC Wilayah Selatan ingin memohon pihak Lembaga Pengurusan MPC untuk memberi kelulusan agar penyelenggaraan mesin berkenaan diteruskan untuk tempoh 2 tahun lagi tanpa perlu melibatkan pembelian mesin baru.

2.4 Pihak MPC Wilayah Selatan telah mendapatkan nasihat dan pandangan Coway (Malaysia) Sdn. Bhd. tentang penyelenggaraan mesin dan syarikat tersebut mencadangkan MPC Wilayah Selatan untuk meneruskan proses penyelenggaraan untuk memastikan air sentiasa selamat dan baik untuk digunakan oleh warga dan pelanggan.

3.0 JUSTIFIKASI/FAEDAH-FAEDAH

3.1 Kontrak sedia ada akan tamat pada 30 April 2022 dan MPC Wilayah Selatan telah diberi diskaun pengurangan sebanyak 10% sekiranya tempoh kontrak diperbaharui selama 2 tahun akan datang.

3.2 Perkhidmatan ini adalah amat penting untuk memastikan mesin penapis air jenama Coway sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan oleh warga dan pelanggan.

3.3 Pelantikan syarikat yang berwibawa dan professional adalah perlu bagi memastikan perkhidmatan penyelenggaraan mesin penapis air coway adalah mengikut prosedur yang tepat.

4.0 ANGGARAN KOS

4.1 Anggaran kos perkhidmatan penyelenggaraan 2 unit mesin penapis air Coway di Kompleks MPC Wilayah Selatan adalah sebanyak RM2,682.00 untuk tempoh masa 24 bulan (2 Mei 2022 – 30 April 2024) dengan pemberian diskaun sebanyak 10%. Kos bagi perkhidmatan penyelenggaraan ini adalah menggunakan peruntukan operasi.

5.0 SYOR


5.1 Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk mempertimbangkan permohonan perkhidmatan penyelenggaraan 2 unit mesin penapis air Coway di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan bagi tempoh 24 bulan dengan kos sebanyak RM2,682.00.

Disediakan oleh:



Nahdatul Faeizin Norman
Penolong Pengurus
MPC Wilayah Selatan
Tarikh: 23 Januari 2022

Diluluskan oleh:



Haji Zainudin Haji Elias
Pengarah Wilayah
MPC Wilayah Selatan
Tarikh: 23 Januari 2022